

Disember 22, 2024

Kerana itu ketika Dia masuk ke dunia, Dia berkata: "Korban dan persembahan tidak Engkaukehendaki tetapi Engkau telah menyediakan tubuh bagiku. Kepada korban bakaran dan korban penghapus dosa Engkau tidak berkenan. Lalu Aku berkata: Sungguh, Aku datang; dalam gulungan kitab ada tertulis tentang Aku untuk melakukan kehendak-Mu, ya Tuhan-Ku..."

Ibrani 10: 5-7

[www.heraldmalaysia.com](http://www.heraldmalaysia.com)

## Ampunilah kesalahan kami



(Gambar: Media Vatikan)

### Pesan Sri Paus Fransiskus sempena Hari Keamanan Sedunia ke-58

**TAKHTA SUCI:** "Ampuni Kesalahan Kami: Berilah kami Damai" merupakan tema pesan keamanan Sri Paus Fransiskus sempena Hari Keamanan Sedunia ke-58, yang akan dirayakan pada Januari 1, 2025, di mana Gereja juga akan memulakan Jubli Harapan di tengah-tengah pelbagai cabaran yang dihadapi dunia hari ini.

#### Ampunilah Kesalahan Kami

Tema, "Ampunilah Kesalahan Kami: Berilah kami Damai" menekankan makna mendalam tradisi Jubli yang mengingatkan kita bahawa kita semua "berhutang" kepada Tuhan, yang dalam belas kasihan dan kasih-Nya yang tidak terhingga, tetap mengampuni dosa kita dan menyeru kita untuk mengampuni orang yang bersalah kepada kita.

#### Lingkaran ketidakadilan dan cabaran saling berkaitan

Dalam tradisi Yahudi, Jubli adalah tahun istimewa pengampunan dosa dan membebaskan orang yang tertindas, Sri Paus menyatakan bahawa pada zaman sekarang, tahun rahmat istimewa ini adalah satu peristiwa yang memberi inspirasi kepada kita untuk berusaha menegakkan keadilan Tuhan di tengah-tengah ketidakadilan dan seperti yang disebut oleh Sto Yohanes Paulus II sebagai "struktur dosa di dunia kita".

Hal ini dapat dilihat terhadap perlakuan tidak berperikemanusiaan yang dikenakan ke atas pendatang, kemerosotan alam sekitar, kekeliruan yang disengajakan melalui maklumat yang salah, keengganahan untuk terlibat dalam sebarang bentuk dialog dan membelanjakan dana atau sumber untuk industri perang.

"Setiap daripada kita harus muh bertanggungjawab terhadap kemasuhan yang telah dialami oleh bumi, rumah kita bersama, bermula dengan tindakan yang sederhana tetapi dapat melindungi keluarga manusia."

Cabar "saling berkait" ini bukan menuntut "tindakan membeli derma sebaliknya mendesak perubahan budaya dan struktur demi memutuskan ikatan ketidakadilan dan untuk mewartakan keadilan Tuhan."

#### Sumber bumi, anugerah Tuhan kepada semua manusia

Memetik ajaran Sto Basil dari Caesarea, Sri Paus mengingatkan

kita bahawa segala yang kita dakwa sebagai milik kita sebenarnya adalah anugerah daripada Tuhan dan oleh itu sumber-sumber bumi ditujukan untuk kepentingan semua manusia, "bukan untuk hanya segelintir orang yang mempunyai keistimewaan."

Dengan melupakan hubungan kita dengan Tuhan, interaksi manusia tercemar oleh logik eksplotasi dan penindasan.

Ini mencerminkan sikap golongan elit pada zaman Yesus, yang bertambah kaya kerana menindas orang miskin dan sikap ini berterusan dalam dunia global hari ini, yang mengekalkan ketidakadilan seperti yang dapat dilihat dalam krisis hutang yang menjebak negara-negara miskin di Selatan Global.

Menurut Bapa Suci, "Hutang luar negara telah menjadi cara mengawal di mana kerajaan dan institusi kewangan swasta tertentu di negara-negara kaya secara sewenang-wenangnya mengeksplotasi sumber manusia dan asli negara-negara miskin, semata-mata untuk memenuhi permintaan pasaran mereka sendiri."

Di samping itu, "bagi pihak yang sudah dibebani oleh hutang antarabangsa, mendapati diri mereka juga terpaksa menanggung beban 'hutang ekologi' yang ditanggung oleh negara yang lebih maju."

Dalam semangat Tahun Jubli ini, Sri Paus Fransiskus mengulangi rayaannya agar masyarakat antarabangsa berusaha ke arah pengampunan hutang asing sebagai mengiktiraf hutang ekologi yang wujud antara Utara dan Selatan dunia ini. "Ini adalah rayuan untuk perpaduan, lebih-lebih lagi untuk keadilan," tegasnya.

#### Permohonan pelunasan hutang

Sri Paus Fransiskus mengimbas kembali permohonan yang dilancarkan oleh Sto Yohanes Paulus II sempena Jubli Agung Tahun 2000 untuk mempertimbangkan pengurangan yang besar atau pembatalan langsung hutang antarabangsa negara-negara "yang tidak mempunyai syarat untuk membayar balik jumlah yang mereka berhutang," memandangkan hutang ekologi negara yang tercusus oleh negara-negara yang memberi hutang.

Katanya, ini harus dilakukan dalam rangka kerja kewangan baharu, yang membawa kepada penciptaan piagam kewangan global berdasarkan perpaduan dan keharmonian antara rakyat.

#### Permohonan pemansuhan hukuman mati

Bapa Suci Fransiskus juga menyeru "komitmen yang teguh untuk menghormati maruah kehidupan manusia dari dalam kandungan hingga kematian semula jadi, menyeru pemansuhan hukuman mati dan mempromosikan budaya hidup yang menghargai setiap individu. Kurangkan wang untuk senjata, melabur lebih banyak untuk pembangunan.

Adalah lebih baik wang yang diperuntukkan untuk membeli senjata digunakan bagi menghapuskan kelaparan dan untuk pembangunan mampan di negara-negara miskin serta membantu mereka memerangi perubahan iklim.

"Harapan melimpah daripada kemurahan hati; ia tidak membuat tuntutan tersembunyi, tidak mementingkan keuntungan sebaliknya bertujuan untuk satu perkara: untuk membangkitkan mereka yang telah jatuh, untuk menyembuhkan hati yang hancur dan membebaskan kita dari setiap bentuk perhambaan," tulis Sri Paus.

Cadangan-cadangan ini adalah untuk mencapai keamanan sejati dan berkekalan, bukan sekadar mengakhiri perpeperangan tetapi perubahan mendalam hati dan masyarakat. Kedamaian sejati diberikan oleh Tuhan kepada hati yang tidak mementingkan diri sendiri.

Sangat Papa menekankan bahawa tindakan kebaikan dan perpaduan yang sederhana, boleh membuka jalan kepada dunia baharu ini, memupuk rasa persaudaraan yang lebih mendalam dan kemanusiaan yang dikongsi bersama.

Mengakhiri perutusannya, Sri Paus Fransiskus menyampaikan doa berikut untuk perdamaian:

Ampunilah kesalahan kami ya Tuhan, sebagaimana kami mengampuni orang yang bersalah kepada kami.  
Dalam lingkaran pengampunan ini,  
berikanlah kami kedamaian-Mu, kedamaian yang Engkau  
dapat berikan kepada mereka  
yang membentarkan hati mereka untuk berubah, kepada  
mereka yang memilih dengan harapan  
untuk mengampuni hutang saudara-sauda mereka,  
kepada mereka yang tidak takut untuk mengaku hutang  
mereka terhadap-Mu dan kepada mereka yang  
tidak menutup telinga mereka  
terhadap jeritan orang miskin.

Media Vatikan

# Hari ini telah lahir bagimu Juruselamat

**S**etiap tahun pada hari Krismas, kita meraikan peristiwa yang berlaku pada satu malam yang dingin, lebih daripada 2000 tahun yang lalu.

Di dalam kandang di sebuah kota di Betlehem yang tidak diketahui, Anak Tuhan dilahirkan. Bayi Yesus ini disambut ke dalam pelukan Maria dan bapa angkat-Nya, Yosef, di tengah-tengah lembu, biri-biri dan haiwan.

Di ladang berdekatan, terdapat gembala yang miskin yang terpaksa menjaga kambing biri-biri mereka.

Kepada orang-orang miskin dan orang-orang yang berada di pinggir masyarakat itu-lah Tuhan menyatakan kasih dan kegembiraan-Nya. "Jangan takut, kerana lihatlah, Aku membawa khabar baik kepadamu tentang sukacita besar yang akan terjadi bagi semua orang." (Lukas 2:10)

"Jangan takut sebab sesungguhnya aku memberitakan kepadamu kesukaan besar untuk seluruh bangsa: "Hari ini telah lahir bagimu Juruselamat, iaitu Kristus, Tuhan di kota Daud. (Lukas 2:10).

Dengan demikian, Nubuat Yesaya telah digenapi: "Bangsa yang berjalan dalam kegelapan telah melihat cahaya yang besar; kepada mereka yang tinggal di negeri yang gelap gelita telah bersinar terang." (Yesaya 9:2-3).

Krismas meraikan Kristus Sang Terang yang telah datang untuk hidup di antara kita di dunia kita. "Sebab seorang anak telah lahir untuk kita, seorang putera telah diberikan untuk kita; lambang pemerintahan ada di atas bahunya, dan namanya disebutkan orang: Penasihat Ajaib, Tuhan yang Perkasa, Bapa yang Kekal, Raja Damai. (Yesaya 9:6).

Kelahiran bayi Yesus pada Krismas membuka pintu kepada Harapan dan Kehidupan. Memang wajarlah Pintu Suci empat basilika dibuka pada musim Krismas ini.

Pintu membolehkan kita masuk ke dalam tempat suci dan bertemu Tuhan. Pada masa yang sama, pintu-pintu Gereja kita yang terbuka adalah panggilan untuk misi.

Setiap orang Katolik harus turun ke jalan untuk menjadi agen damai dan belas kasihan, harapan dan kegembiraan kepada semua orang yang kita temui.

## Tahun Jubli dan Pembukaan Pintu-pintu Suci di Roma

Krismas ini sememangnya merupakan masa SUKACITA Dan HARAPAN yang hebat. Sri Paus Fransiskus telah menetapkan 2025 sebagai Tahun Jubli dengan fokus "Spes non confundit" bermaksud "Harapan tidak mengecewakan" (Roma 5:5). Di Roma, kota Rasul Petrus dan Paulus akan mengadakan acara berikut:

- Dis 24, 2024: Pembukaan Pintu Suci di Basilika Sto Petrus
- Dis 29, 2024: Pembukaan Pintu Suci di Basilika Agung St John Lateran, Katedral Roma. Misa akan dirayakan di semua Katedral di dunia.
- Jan 1, 2025: Pembukaan Pintu Suci Basilika St Mary Major, Roma
- Jan 5, 2025: Vigil Epifani – Pembukaan Pintu Suci Basilika Sto Paulus di Luar Tembok, Roma
- Dis 28, 2025: Penutupan Tahun Jubli di semua paroki di dunia.
- Jan 6, 2026: Penutupan Tahun Jubli di Roma.



## Perayaan Tahun Jubli di semua Katedral di Keuskupan

Sri Paus Fransiskus menyedari dan tahu bahawa tidak semua Katolik dapat melakukan ziarah ke Roma pada Tahun Jubli.

Oleh sebab itu, Bapa Suci telah mengarahkan semua keuskupan menyambut Tahun Jubli di katedral masing-masing pada Disember 29, 2024. Di Malaysia dan di Keuskupan Agung

Kuching, beberapa Gereja akan ditetapkan sebagai pusat ziarah dan doa.

Berikut merupakan senarai pusat ziarah di Keuskupan Agung Kuching

- Katedral St Joseph, Kuching;
- Catholic Memorial dan Pusat Ziarah Gunung Singai, Bau
- Pusat Ziarah Gethsemane, Bunau
- Pusat Ziarah Gunung Hosanna, KM157, Jln Sri Aman, Kuching
- Gereja St Peter, Padungan, Kuching

Dalam semangat Jubli Penziarahan Harapan: Sri Paus Fransiskus berdoa agar "Jubli menjadi momen perjumpaan peribadi yang tulen dengan Tuhan Yesus, 'pintu' (Ilih. Yoh 10:7.9) keselamatan kita, yang ditugaskan kepada Gereja untuk sentiasa memberitakan, di mana-mana dan kepada semua sebagai 'harapan kita'"(1 Timotius 1:1).

## Krismas tidak bermakna, jika tidak difahami oleh hati

Inti Krismas ialah Emanuel, Tuhan kita da-

tang ke dunia untuk tinggal bersama kita, membawa kegembiraan, kedamaian dan harapan. Kini kita dijemput untuk memasuki Tahun Jubli 2025 sebagai Penziarahan Harapan. Melalui pintu-pintu Gereja yang terbuka, pada masa yang sama kita diutus untuk membawa karunia belas kasihan dan harapan Tuhan kepada dunia.

- Lakukan ziarah ke Gereja atau pusat ziarah yang ditetapkan oleh Uskup kita
- Melayani orang miskin dan memerlukan
- Menyumbang dana dengan murah hati untuk mengurangkan kemiskinan
- Memberi sumbangan kepada mangsa bencana alam, banjir atau kebakaran
- Berkomitmen untuk menyediakan pendidikan bagi semua kanak-kanak
- Menolak segala bentuk ekstremisme dan fundamentalisme di negara kita
- Berusaha untuk berdialog, terlibat dan mendengar antara satu sama lain
- Raikan majlis umum persaudaraan Menganjurkan rumah terbuka Krismas dan perayaan lain
- Bekerjasama demi kebaikan bersama Malaysia
- Berdoa untuk pemimpin rohani dan politik negara kita

Bagi pihak Uskup Katolik Malaysia, paderi, religius dan diakon, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Krismas yang Suci dan Tahun Baru 2025 kepada semua umat Katolik dan rakan-rakan kita.

+*Simone*

Uskup Agung Dato Dr Simon Poh  
Presiden  
Konferensi para Uskup Katolik Malaysia

## Menyambut Juruselamat seperti Maria dan Elisabet

**S**ebagai persiapan terakhir menjelang Pesta Natal, pada hari ini kita mendengarkan kisah kunjungan Maria, wanita muda, kepada Elisabet, wanita berusia lanjut.

Elisabet akan melahirkan Yohanes Pembaptis, Maria akan melahirkan Yesus. Hubungan erat antara Maria dan Elisabet diteruskan dalam hubungan Yesus dan Yohanes Pembaptis, putera masing-masing.

Dalam diri kedua-dua wanita itu: Elisabet dan Maria tampillah bagi kita teladan figura yang hidupnya diijwai dan dibimbing oleh iman secara sedar.

Maria sebagai wanita muda yang mengandung Yesus, ketika mendengar daripada malaikat Gabriel berita tentang Elisabet, yang juga sedang mengandung, "bergegaslah" dia pergi untuk mengunjunginya. Dan ketika Maria sudah menempuh jarak sekitar 150 KM (dari Nasaret ke El Karim).

Tiba di rumah Elisabet, Maria memberi salam dan Elisabet menerima salam itu dengan kegembiraan lalu memberi penghormatan kepada Maria. Apakah latar belakang pertemuan kedua-dua wanita yang sedang mengandung itu?

Ketika mendengar salam daripada Maria, Elisabet berseru kepadaannya "diberkatilah buah rahimmu. Siapakah aku ini sampai ibu Tuhan datang mengunjungi aku?"

Bukan hanya Elisabet, tetapi anaknya yang masih dalam kandungannya juga "melonjak kegirangan".

Elisabet dapat berbuat demikian kerana dia "penuh dengan Roh Kudus". Dia sangat bergembira, sebab Maria yang mengandung anak yang disebut "Tuhanku", datang mengunjungi dia. Kerana berkat imannya yang diterangi Roh Kudus, Elisabet yang meskipun berusia lanjut, dapat mengalami semuanya itu.

Bagi Maria, sesudah beberapa waktu mendengar berita tentang Elisabet yang lanjut usia telah hamil enam bulan, dia "bergegas....ke pegunungan, menuju sebuah kota di wilayah Yehuda" (El karim) untuk mengunjungi Elisabet.

Maria ialah tokoh wanita yang hidup berpegang iman. Terdorong oleh keyakinan iman, Maria bergegas, cepat-cepat, tanpa ragu-ragu, kerana mahu menyampaikan salam bahagianya kepada Elisabet yang mengandung pada usia tua.

Maka reaksi Elisabet, "Sungguh,

berbahagialah dia yang telah percaya, sebab firman Tuhan yang dikatakan kepadanya akan terlaksana". Apa ertiinya?

Maria mengandung Yesus kerana dia percaya. Apabila Maria tidak percaya, atau tidak memiliki iman, dia tidak mungkin menjadi bonda Yesus Penyelamat!

Dia yang dikandung bukanlah hasil hubungan jasmani, tubuh dan darah, melainkan adalah karya Tuhan. Itulah kebahagiaan yang diperolehnya daripada iman.

Kedua-dua tokoh wanita yang ditampilkan dalam Injil mahu memberitahu kita bahawa pada Tuhan tidak ada mustahil.

Pertama : berkat iman/kepercayaan yang benar dan mendalam apa yang nampaknya tidak mungkin bagi kita, tetapi bagi Tuhan tidak mustahil.

Lihatlah, kerana iman Elisabeth yang dianggap mandul, digunakan Tuhan untuk melahirkan Yohanes Pembaptis, Nabi yang harus menyiapkan kedatangan Al-Masih.

Dan kerana percaya, Maria meskipun belum berkahwin dengan Yosef, menjadi bonda Yesus, Sang Juruselamat.

Sang Juruselamat datang dalam diri Maria kerana imannya. Al-Masih yang kita nanti-

## HARI MINGGU

### KEEMPAT

### ADVEN (C)

MIKHA 5:2-5A

IBRANI 10:5-10

INJIL LUKAS 1:39-45

nantikan dapat datang dalam diri kita, apabila kita sungguh-sungguh memiliki dan terbuka untuk disentuh oleh Roh Kuuds.

Kedua: kita diundang untuk memiliki dan menghayati sikap, hidup, perbuatan dan hubungan dengan orang lain seperti yang dimiliki dan dilakukan oleh Maria dan Elisabet.

Kedua-dua wanita itu, menerima tugas panggilan mereka sebagai ib, berpegang pada iman dan hubungan persaudaraan tanpa meminta balasan. Dari kisah Injil hari ini yang sangat sederhana, kita dapat belajar banyak perkara yang tidak mungkin tetapi tidak mustahil bagi Tuhan.

Marilah kita menyiapkan diri menyambut kedatangan Yesus Al-Masih dalam hati kita dengan semangat dan jiwa seperti Maria dan Elisabet. **Msgr F.X. Hadisumarta O. Carm.**



Uskup Agung John Wong (tengah) menyampaikan tanda penghargaan kepada Fr Paul Lo (tengah) sempena Ulang Tahun Imamat ke-19 beliau.

## Ulang Tahun Imamat ke-19 Fr Paul Lo

KOTA KINABALU: Umat paroki Katedral Sacred Heart, bersyukur atas ulang tahun imamat ke-19 paderi paroki mereka, Fr Paul Lo. Turut hadir dalam majlis itu ialah Uskup Agung John Wong.

Dilahirkan di Kudat pada tahun 1973, Fr Paul menyertai kursus persediaan di Pusat Keuskupan Katolik Penampang pada tahun 1997 dan melanjutkan pengajian falsafah dan teologinya di Kolej St Peter Kuching pada tahun 1998.

Beliau telah ditahbiskan sebagai paderi oleh Uskup John

Lee pada tahun 2005. Selepas ditahbis, beliau melayani di Sandakan dan Tanjung Aru sebelum dihantar ke Roma untuk melanjutkan pengajian dalam Ijazah Kitab Suci pada tahun 2010.

Sekembalinya dari Roma pada 2014, beliau melayani di St Catherine, Inanam, Menggatal dan Telipok.

Pada tahun 2017, beliau dilantik sebagai pembantu paderi paroki di Katedral Sacred Heart pada 2017 dan beberapa tahun kemudian, menjadi paderi paroki pada Ogos, 2018.

## Uskup Cornelius isytihar KUK baharu St Edward Kg Melidang



KENINGAU: Sebuah komuniti Katolik telah diisyiharkan oleh Uskup Cornelius Piong sebagai Komuniti Umat Katolik (KUK) dengan mengambil nama KUK Gereja St Edward, Kg Melidang.

Pengisytiharan diumumkan semasa perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Uskup Cornelius. Sebuah Dewan KUK juga diberkati pada masa tersebut.

Kg Melidang terletak dalam Zon Liau, kira-kira 30 minit perjalanan dari Katedral St Francis Xavier, Keningau.

Komuniti Katolik di kampung ini telah lama mengimpikan sebuah Gereja Katolik sejak 2003 lagi. Namun disebabkan pelbagai halangan, impian itu telah tertang-

guh. Harapan untuk mendirikan Gereja kembali bersinar apabila ada bantuan dari KUK Gereja St Fabianus, khususnya Katekis Ansus Alfred, Pengurus KUK St Fabianus, Sdra Japrin Thomas bersama Timbalannya Sdra Jatius Jacob untuk mencari tapak yang sesuai untuk membina Gereja.

Akhirnya mereka menemui tapak seluas satu ekar dan atas persetujuan pemilik tanah tersebut, Sdra Kesimin, Gereja St Edward akhirnya didirikan.

Kemudian, pada bulan September lalu, sebuah dewan terbuka mula dibina dan siap sepenuhnya pada bulan November.

Uskup Cornelius dalam homilinya, mengucapkan syabas dan tahniah kepada KUK Kg Melidang dan Zon Liau kerana dapat berjalan bersama untuk membangun iman, menyembah Tuhan dan melaksanakan tanggungjawab sosial.

Prelatus itu turut berpesan agar semangat berjalan bersama itu harus diteruskan kerana semangat itulah yang membangun Keuskupan Keningau selama ini.

Pengurus Majlis Pastoral Paroki Katedral St Francis Xavier, Sdra Nelly Joneh dalam ucapannya mengatakan kini Kg Melidang sudah diisyiharkan sebagai KUK, pasti ada lawatan paderi secara berkala nanti. **Juanis Markus**

## BSM lancar tiga Alkitab tempatan

PETALING JAYA: Persatuan Alkitab Malaysia (BSM) baru-baru ini melancarkan Alkitab Kudus Malaysia (BM Formal), Alkitab Berita Baik (Edisi Studi) dan Iban Study Bible (Edisi Percubaan), semasa sambutan ulang tahun ke-40 yang diadakan di PJ Evangelical Free Church. Majlis itu diserikan oleh ramai orang kenamaan dari pelbagai Gereja di Malaysia, termasuk wakil dari Lembaga Alkitab Indonesia.

BSM memulakan terjemahan Alkitab Kudus Malaysia pada tahun 2011, untuk memenuhi permintaan dari Gereja-gereja berbahasa Melayu. Alkitab Kudus Malaysia adalah terjemahan rasmi Bible, lebih dekat dengan teks asal, dan akan digunakan untuk tujuan

penyelidikan ilmiah, pembelajaran dan penginjilan.

Alkitab Berita Baik Edisi Studi mengambil masa hampir 20 tahun untuk disiapkan. Alkitab ini adalah hasil daripada permintaan daripada Gereja-gereja berbahasa Melayu untuk pembelajaran Alkitab di Malaysia. Edisi percubaan Iban Study Bible juga sedang dalam perancangan sejak tahun 2015, untuk memenuhi keperluan masyarakat Iban di Sarawak.

Pada pelancaran itu, Tan Hwee Yong, salah seorang penterjemah, membacakan beberapa petikan berlainan Alkitab Kudus Malaysia.

Tanda penghargaan turut diberikan kepada Rev Dr Anwar Tjen dan Rev Dr Daniel See, yang merupakan penasihat terjemahan untuk Alkitab Kudus Malaysia dan

Alkitab Berita Baik (Edisi Studi).

Rev Mathew Punnoose, Setiausaha Agung BSM, menyampaikan sejarah ringkas dan pencapaian BSM, bermula dari tahun penubuhan Persatuan Bible di Wales, United Kingdom pada tahun 1804 sehingga 1984. Beliau memberikan senarai Alkitab tempatan yang telah diterjemahkan dan diterbitkan di Malaysia dalam tempoh 30 tahun yang lalu serta projek bahasa baharu yang sedang dijalankan.

Salah satu cabaran yang dihadapi dalam projek itu ialah kekurangan ruang yang memperlakukan pengurusan inventori dan logistik. Sempena ulang tahunnya yang ke-40, juga melancarkan dana demi mendapatkan gedung yang lebih besar.



## Peserta PATRIOT pulang ke tanah air dengan iman yang diperbaharui



Peserta PATRIOT bergambar bersama di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu setelah kembali dari Keuskupan Bandung, Indonesia.

KOTA KINABALU: Kem Lelaki Sejati tidak asing lagi di tiga Keuskupan Katolik di Sabah. Setiap kali program ini dianjurkan ia pasti mendapat sambutan yang menggalakkan.

Baru-baru ini, seramai 13 peserta dari Sabah bersama lima pengiring telah menyertai Kem Lelaki Sejati Modul Tiga (PATRIOT) Angkatan ke-26 di Keuskupan Bandung, Indonesia.

Program itu bertujuan untuk membawa setiap keluarga yang dipercayakan Tuhan untuk mencapai tahap maksimum dengan "Menjadi

serupa dengan Kristus" (Rom 8:29).

Ketika kembali ke Sabah, kumpulan ini disambut oleh keluarga masing-masing di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan diberikan sejambak bunga setiap seorang yang ditaja oleh isteri kepada salah seorang alumni Kem Lelaki Sejati, Pn Evelyn Justin.

Salah seorang peserta, Mario Domingo, berkongsi bahawa program PATRIOT di Keuskupan Bandung banyak memberi maklumat menarik dan mengingatkannya akan peranannya

demi menjalin kehidupan keluarga yang lebih harmoni serta bahagia.

Lawrence dari St Mary, Kg Toboh Laut, Keningau pula mengatakan tidak rugi mengikuti program PATRIOT untuk belajar hakikat tugas dan fungsi seorang lelaki dan suami dalam keluarga, sesuai dengan kehendak Tuhan.

Hermes S Sikajat dari St Paul Dontozon pulang menyerau agar lebih ramai lelaki Katolik untuk menyertai Kem Lelaki Sejati untuk memahami lebih mendalam tentang panggilan hidup berkeluarga. **Evelyn Justin**

# Sahabat Kecil Yesus

Hello adik-adik,

Apa khabar? Pada hari Minggu ini, kita memasuki Hari Minggu Adven keempat. Ini bermakna, dalam masa beberapa hari lagi, kita akan menyambut Hari Raya Besar penuh sukacita iaitu Natal.

Adik-adik, sebelum kita menyambut hari Natal mari kita baca kisah Maria mengunjungi Elisabet sepupunya.

Selepas mendapat Khabar Gembira dari malaikat Gabriel, Maria segera bergegas ke Yehuda untuk mengunjungi sepupunya Elisabet yang sedang hamil tua.

Lihatlah adik-adik. Betapa mulianya hati Bonda Maria. Beliau sendiri sedang mengandung tetapi bergegas pergi ke Yehuda yang sangat jauh dari kotanya.

Ketika tiba di rumah Elisabet dan memberi

salam kepadanya, bayi di dalam kandungan Elisabet juga turut melonjak kegembiraan.

Ternyata bayi di dalam kandungan Elisabet gembira menerima kunjungan Bonda Tuhan.

Malah Elisabet juga berasa sukacita dengan kedatangan Maria lebih-lebih lagi, Maria sedang mengandungkan bayi Yesus, Sang Juruselamat.

Adik-adik, semoga pada hari Minggu terakhir Adven ini kita juga seperti Bonda Maria yang sukacita menyebarkan Khabar Baik kepada sesiapa sahaja.

Dan seperti Elisabet, mari kita membukaan hati kita kepada Roh Kudus agar sinar Sang Juruselamat dapat "tinggal" di dalam hati kita.

Salam Sayang  
Antie Melly

Dapatkan adik-adik mencari objek tersembunyi pada gambar di bawah? — lobak, garfu, segelas air, ladang kuda, kon aiskrim, tali leher, benang dan jarum, siput babi.



Pada gambar di bawah, lengkapkan gambar kanak-kanak dan lukiskan nyalaan lilin pada setiap lilin yang dipegang oleh kanak-kanak tersebut.

Ada beberapa perkataan di bawah yang diganti dengan simbol. Bongkar simbol tersebut untuk membaca apa kata Elisabet tentang Bonda Maria.



Dan ketika Elisabet mendengar salam Maria, melonjaklah anak yang di dalam rahimnya dan Elisabet pun penuh dengan Roh Kudus berkata:

"Diberkatilah engkau di antara semua



buah rahimu.

Siapakah aku ini sampai



Tuhanku datang



aku?

diberkatilah Wanita

mengunjungi ibu



# BELIA

## I,043 BELIA SERTAI KHEMAH BELIA DI LANAS, SOOK

LANAS, Sook: Gereja St Anthony Padua Pinipi, Lanas dimeriahkan dengan ribuan belia sempena Khemah Belia Paroki Roh Kudus, Sook (KBP-11) pada November 29 hingga Disember 1.

Program yang dirancang dengan penuh komitmen ini menarik penyertaan luar biasa seramai 1,043 orang belia.

Semasa menyampaikan homilinya dalam Misa Kudus pembukaan, Uskup Cornelius Piong menekankan bahawa masa Adven merupakan peluang untuk memperteguh iman, harapan serta kasih kepada Tuhan dan sesama.

Katanya, Adven bukan sekadar masa penantian, tetapi juga masa menghayati kehadiran Yesus yang memampukan kita untuk terus berjaga-jaga menanti kedatangan-Nya kali kedua.

Uskup turut memberikan nasihat kepada para belia untuk setia menjadi pewarta khabar sukacita kelahiran Yesus. Prelatus menekankan tiga perkara penting untuk diusahakan dalam perjalanan bersama di Keuskupan Keningau iaitu:

1. Membangun Hidup Berkomuniti
2. Membangun Sikap Peduli – Bijak dalam penggunaan teknologi agar tidak lupa tanggungjawab sosial.
3. Setia kepada Kristus – Para belia yang melanjutkan pelajaran atau merantau diingatkan untuk berbangga dengan identiti mereka sebagai umat Tuhan agar Tuhan dapat mengakui kita di hadapan Bapa-Nya di syurga (Mat 10:32-33).

Sepanjang KBP-11 ini, para peserta tinggal bersama keluarga angkat, ada yang bermalam di dewan kampung dan sekolah.

Selain Misa Kudus dan katekesis, para peserta melakukan aktiviti seperti Malam

Cahaya dan Perdamaian, *Welcoming Night*, dan *Mission Walk*.

Koordinator KBP-11, Sdra Farren Mc Ferd Fred turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli penganjur yang telah berusaha keras memastikan kejayaan program ini.

Paderi paroki Sook, Fr Clement Abel menyampaikan pesan kepada Zon Pemuntarian selaku tuan rumah KBP-12 pada tahun 2025 agar tidak gentar menjadi tuan rumah kerana program seperti ini membawa berkat bagi penganjur.

KBP-11 telah menjadi platform bermakna bagi para belia untuk memperkuat hubungan mereka dengan Tuhan, menjadi cahaya kepada mereka yang menderita akibat keputusasaan dan mendorong kaum muda untuk berbahagi Harapan menjelang Tahun Jubli 2025! **Beatlina Bianu**



KAMPAR, Perak: Gereja *Sacred Heart* menjadi tuan rumah kepada 82 pemimpin belia dari seluruh Keuskupan Pulau Pinang, baru-baru ini.

Retret Kepimpinan PDYN 3.0 selama tiga hari itu memberi kesegaran iman, memantapkan kepimpinan Katolik dan kesempatan untuk membuat refleksi peribadi.

Setiap hari retret membawa tema unik. Pada hari pertama, ia mengangkat tema, "Dipanggil untuk Tujuan" membimbing para peserta mengenal panggilan dan memahami apa itu Perbualan Roh.

Hari kedua, dengan tema "Kerohanian" mengajak para peserta untuk menghargai identiti mereka sebagai murid Kristus, menerima kekudusan sebagai sahutan peribadi dan belajar memimpin diri sendiri sebelum memimpin orang

lain.

"Di Dunia tetapi Bukan Dunia" merupakan tema pada hari ketiga yang mengakui bahawa kita dicipta untuk sesuatu tujuan bermakna.

Salah seorang peserta, Jane Winsle Anak Jacko dari paroki *Nativity of the Blessed Virgin Mary*, Butterworth mengatakan sesi "Pujian dan Penyembahan" sangat menyentuh hati. Selain itu, Jane juga belajar mendengar, memahami, menerima dan memaafkan orang lain melalui retret tersebut.

"Retret PDYN 3.0 telah memperbaiki hubungan saya dengan Tuhan dan mengubah cara pandang hidup saya untuk lebih mengasihi dan saya juga terbuka hati untuk memaafkan diri sendiri serta orang lain," kata Jeremy Silverius Zosimas dari Basilika Kecil Sta Anna.

### Kenali diri sendiri sebelum memimpin orang lain



*Peserta PYDN 3.0 saling mendoakan satu dengan yang lain.*

## Berita ringkas Gereja sejagat

### Sri Paus mendoakan rakyat yang kembali ke Syria

VATIKAN: Bapa Suci Fransiskus mempercayakan rakyat Syria kepada Perawan Maria pada hari sebelum Pesta Santa Maria dari Guadalupe.

Prelatus itu berdoa agar melalui syafaat Bonda Maria, mereka "boleh hidup dengan aman dan selamat di tanah tercinta mereka."

Ramai rakyat Syria yang tinggal di luar negara pulang ke tanah air dan bersatu semula dengan keluarga mereka selepas kejatuhan rejim Assad.

### Para Uskup Eropah pantau keselamatan di Syria

ALEPO: Para Uskup Eropah telah menyatakan harapan mereka untuk "peralihan kuasa yang teratur dan aman" di Syria.

Mereka menggesa pihak berkuasa baharu negara itu untuk "menolak fahaman mazhab dan ekstremisme."

Kenyataan para Uskup Eropah itu diterbitkan pada Disember 11, oleh Konferensi para Uskup Kesatuan Eropah (COMECE), menekankan bahawa uskup EU memantau dengan teliti perkembangan di Syria di mana pasukan

Sri Paus Fransiskus menyatakan hasratnya agar "tidak ada lagi konflik atau perpecahan dan semoga kerajaan baharu mempromosikan kestabilan dan perpaduan negara."

Fransiskus juga berdoa agar pelbagai kumpulan agama di Syria —70% Muslim Sunni, 13% Muslim Syiah dan kira-kira dua peratus Kristian "boleh berjalan bersama dalam persahabatan dan saling menghormati demi kebaikan negara." **Media Vatikan**

pemberontak telah menguasai ibu kota dan bandar strategik lain, yang membawa penyingiran rejim Assad.

Tiga hari selepas kejatuhan kerajaan Bashar al-Assad berikutnya, para uskup EU menyeru pihak berkuasa baharu Syria untuk melindungi rumah-rumah ibadat dan tapak suci milik pengikut agama minoriti, menyediakan akses bantuan kemanusiaan dan keselamatan. **Media Vatikan**

### Misionari Vietnam terima anugerah berprestij HAM

HANOI: Y Krec Bya, seorang misionari Kristian dari Tanah Tinggi Tengah Vietnam, telah diumumkan sebagai penerima Anugerah Hak Asasi Manusia (HAM) Le Dinh Luong 2024 yang berprestij, mengiktiraf perjuangannya yang berterusan untuk keadilan dan kebebasan beragama di bawah penindasan kerajaan.

Kurniaan itu, yang dianugerahkan oleh Parti Revolusi Vietnam Reformasi (Viet Tan) yang berpangkalan di Amerika Syirkat, meraikan individu dan organisasi yang mem-

perjuangkan hak asasi manusia di Vietnam.

Bya, pengikut Central Highlands Evangelical Church of Christ, telah mengalami penganiayaan selama bertahun-tahun, termasuk serangan fizikal, dipenjarakan dan tekanan untuk meninggalkan imannya.

Beliau mewakili ramai orang, termasuk pengikut Protestan dan kumpulan agama di Tanah Tinggi Tengah, yang secara aman memperjuangkan hak suci dan asas mereka untuk mengamalkan agama. **LICAS-News**

### 110 religius wanita lafaz kaul serentak



ASSAM, India: Religius wanita pertama di Timur Laut India merayakan peristiwa penting dengan kaul kekal dan kaul pertama 110 wanita muda dari pelbagai kumpulan etnik India.

Upacara itu diadakan pada Disember 7 dan 9 di Konven Little Flower, Guwahati, Assam dan Konven St Stephen, Tinsukia,

dengan Misa yang dipimpin oleh Uskup Agung John Moolachira dari Guwahati dan Uskup Albert Hemrom dari Dibrugarh. Sr Christine Mynsong, Ketua Umum religius itu, menerima ikrar di Guwahati, manakala Srancy Varughese, Pengusaha Wilayah Tinsukia, menerima ikrar di Tinsukia. **LICAS-News**

# Perbaiki rohani sebelum Tahun Jubli

TAKHTA SUCI: Ketika kota Roma menghadapi beberapa kerja naik taraf seperti pembukaan jalan dan projek pembangunan menjelang pembukaan Tahun Suci 2025, Sri Paus Fransiskus menggunakan kesempatan ini untuk mendorong umat beriman memperbaiki kehidupan spiritual sebelum Tahun Jubli.

Pada Disember 8 iaitu Hari Raya Santa Perawan Maria Dikandung Tanpa Noda, Sri Paus mengunjungi bahagian tengah Roma dengan membawa sendiri sekeranjang mawar putih dan mendaraskan doa kepada Bonda Maria, serta menyampaikan ucapan kepada ribuan warga Roma, pengunjung dan pelancong.

Datuk Bandar Roma, Roberto Gualtieri juga hadir dalam upacara itu.

Beliau telah dihujani kritikan mengenai projek-projek besar, yang sebahagian besar masih belum selesai, telah mengganggu lalu lintas.

Sri Paus Fransiskus mengatakan Bonda Maria tahu bahawa kerja-kerja itu mencetuskan, "gangguan dan kesusahan sementara. Ini merupakan tanda bahwa Roma masih memperbaiki, memperbarui dirinya, cuba beradaptasi dengan keperluan dan menjadi lebih ramah."

Bapa Suci percaya Bonda Maria melihat di sebalik kekacauan akibat kerja-kerja naik taraf itu. Pasti Bonda Maria juga mahu mengingatkan kita, "Anak-anakku, kerja-kerja



Sri Paus Fransiskus mengetuai upacara penghormatan kepada Santa Perawan Maria Tanpa Noda pada Dis 8, 2024 di Vatikan. Gambar: Media Vatikan.

pembakaian ini baik-baik sahaja dan jangan lupa "memperbaiki" rohani kalian."

Sri Paus Fransiskus mengatakan, Jubli yang sebenarnya tidak terletak di luar. Jubli itu ada dalam diri kalian, di dalam hati, dalam keluarga dan hubungan sosial. Di dalam itulah kamu harus bekerja untuk mempersiapkan jalan bagi kedatangan Tuhan."

Bapa Suci menambah, "Ini adalah kesempatan yang baik untuk pengakuan dosa, memohon pengampunan atas segala dosa kita. Tuhan mengampuni segalanya. Tuhan selalu mengampuni."

Sri Paus Fransiskus berterima kasih kepada Bonda Maria atas pertolongannya "kerana meskipun kita telah melakukan

sedaya upaya, tetapi kita masih perangkap dalam kelemahan pengaturan namun dengan rahmat Tahun Suci, yang merupakan masa spiritual kelahiran kembali, pengampunan dan pembebasan sosial pasti dapat meleraikan apa yang menghalang kita."

Dengan tema Tahun Jubli, "Penziarah Harapan," Bapa Suci akan membuka Tahun Suci di Basilika Santo Petrus sebelum Misa pada Disember 24.

Prelatus itu juga akan membuka Pintu Suci di penjara Rebibbia Roma pada Disember 26, Pintu Suci di Basilika John Lateran akan dibuka pada Disember 29, Basilika Sta Maria Mayor pada Januari 1, 2025 dan di Sto Paulus di Luar Tembok pada Januari 5, 2025. **Media Vatikan**

## Krisis Gaza: Bapa Suci bertemu pemimpin Palestine

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus mengalu-alukan kunjungan Presiden Palestine, Mahmoud Abbas di Vatikan pada Disember 12 lalu untuk perbincangan yang menumpukan kepada krisis kemanusiaan di Gaza dan prospek keamanan di Tanah Suci.

Pertemuan selama 30 minit, yang diikuti dengan pertemuan dengan Setiausaha Negara Vatikan, Kardinal Pietro Parolin

dan Uskup Agung Paul Richard Gallagher, setiausaha untuk hubungan dengan negara-negara, para pemimpin tersebut menekankan kepentingan mencapai penyelesaian untuk "dua negara melalui dialog dan diplomasi".

Takhta Suci berkata rundingan itu juga menekankan "sumbangan penting Gereja Katolik kepada masyarakat Palestine" dan peranannya dalam menyediakan



Pertemuan antara Bapa Suci Fransiskus dengan Presiden Palestine, Mahmoud Abbas di Vatikan pada Dis 12, 2024. Gambar: Media Vatikan.

bantuan kemanusiaan di Gaza serta gesaan gencatan senjata dan pembebasan semua tebusan secepat mungkin. Pertemuan itu merupakan lawatan pertama Abbas ke Vatikan sejak 2021.

Pemimpin Palestine berusia 89 tahun itu, yang telah memegang jawatan selama kira-kira 20 tahun, telah bercakap dengan Sri Paus Fransiskus melalui telefon sejak serangan Oktober 7, 2023 ke atas Israel oleh kumpulan pengganas Islam Hamas.

Dalam "perbincangan mesra," kedua-dua pihak mengulangi kecaman terhadap semua bentuk keganasan sambil menekankan kepentingan melindungi status istimewa Yerusalem sebagai "tempat pertemuan dan persahabatan antara tiga agama monoteis yang hebat."

Vatikan menyatakan harapan bahawa Tahun Jubli 2025 yang akan datang akan menyaksikan kembalinya penziarah ke Tanah Suci, yang sangat mendambakan keamanan. **CNA**

# Misa Kudus pembukaan dan pusat ziarah Tahun Jubli 2025

## SEMENANJUNG

**Keuskupan Agung Kuala Lumpur**  
Misa Pembukaan (Dis 29, 2024)  
Tempat: Katedral St John Penginjal, KL  
Masa: 6.00 petang

**Pusat Ziarah:**

- Gereja *Immaculate Conception*, PD;
- Gereja Jesus Caritas, Kepong;
- Gereja St Francis of Assisi, Cheras;
- Gereja St Thomas, Kuantan

**Keuskupan Pulau Pinang**  
Misa Pembukaan (Dis 29, 2024)  
Tempat: Katedral Holy Spirit  
Masa: 5.00 petang

**Pusat Ziarah:**

- Chapel *Annai Velangani*, Ipoh
- Gereja *Assumption*, P.Pinang
- Gereja *the Holy Name of Mary*, Permatang Tinggi

**Keuskupan Melaka Johor**  
Misa Pembukaan (Dis 29, 2024)  
Tempat: Katedral Sacred Heart  
Masa: 10.30 pagi

**Pusat Ziarah:**

- Gereja St Louis, Kluang
- Gereja St Mary, Ayer Salak
- Gereja Theresa, Masai

## SARAWAK

**Keuskupan Agung Kuching**  
Misa Pembukaan (Dis 29, 2024)  
Tempat: Katedral St Joseph, Kuching  
Masa: 7.00 pagi

**Pusat Ziarah:**

- Katedral St Joseph, Kuching;
- Catholic Memorial dan Pusat Ziarah Gunung Singai, Bau
- Pusat Ziarah Gethsemane, Bunun
- Pusat Ziarah Gunung Hosanna, KM157 Kuching-Jalan Sri Aman
- Gereja St Peter, Padungan, Kuching

**Keuskupan Miri**

Misa Pembukaan (Dis 29, 2024)  
Tempat: Katedral St Joseph, Miri  
Masa: 11.00 pagi

**Pusat Ziarah:**

- Katedral St Joseph, Miri
- Gereja St Anthony, Bintulu
- Gereja St Edmund, Limbang

**Keuskupan Sibu**

Misa Pembukaan (Jan 1, 2025)  
Tempat: Katedral Sacred Heart, Sibu  
Masa: 2.00 petang

**Pusat Ziarah:**

- Gereja *Sacred Heart*, Kanowit
- St Teresa Oratory, Sg Merah
- Gereja St Anthony Sarikei

## SABAH

**Keuskupan Agung Kota Kinabalu**  
Misa Pembukaan (Dis 29, 2024)  
Tempat: Katedral Sacred Heart  
Masa: 5.00 petang

**Pusat Ziarah:**

- Katedral *Sacred Heart*
- Gereja *Holy Rosary* Limbahau
- Gereja St Michael, Penampang
- Gereja St Peter Claver Ranau
- Gereja St Peter, Kudat

**Keuskupan Keningau**

Misa Pembukaan (Dis 29, 2024)  
Tempat: Pusat Ziarah Keluarga Kudus Nulu Sosopon  
Masa: 10.30 pagi

**Pusat Ziarah:**

- Pusat Ziarah Keluarga Kudus Nulu Sosopon

**Keuskupan Sandakan**

Misa Pembukaan (Dis 29, 2024)  
Tempat: Katedral St Mary  
Masa: 6.00 petang

**Pusat Ziarah:**

- Katedral St Mary, Sandakan

## TAHUN JUBLI 2025: PENZIARAH HARAPAN

# Keuskupan Keningau siap sedia terima kedatangan Penziarrah Harapan 2025

Kita Umat Tuhan yang berjalan bersama dalam Yesus Kristus di Keuskupan Keningau bersyukur kepada Tuhan kerana Sri Paus Fransiskus telah mengisytiharkan tahun 2025 sebagai Tahun Jubli dengan Tema, “Penziarrah Harapan.”

Dengan semangat sinodal bersama Gereja sejagat kita bersyukur atas peluang Tahun Jubli 2025 ini kerana ini adalah satu kesempatan istimewa di mana, kita diberi peluang untuk berdamai dengan Tuhan serta meneguhkan iman, harapan dan kasih kita kepada-Nya.

Saya percaya, melalui dekrinya *Spes Non Confundit* “Pengharapan tidak mengecewakan”, Sri Paus memahami keadaan dunia pada masa kini yang tidak menentu, banyak perkara yang menakutkan misalnya perperangan, bencana alam, penyakit, kebuluran, tidak setia kepada bimbining Tuhan. Semua ini memerlukan pengharapan daripada balas kasihan dan penyembuhan-Nya.

Sesuai dengan program sejagat Tahun Jubli 2025, di Keuskupan Keningau, Misa pembukaan Tahun Jubli akan diadakan pada Disember 29, 2024 di Gereja Pusat Ziarah Keluarga Kudus Nulu Sosopon Keningau (PZKKNS) pada pukul 10.30 pagi.

Sedusud pelancaran, Ziarah akan dibuka sepanjang tahun 2025 kepada umat Keuskupan Keningau mahupun luar Keuskupan Keningau.

Keistimewaan yang terdapat di PZKKNS yang boleh meneguhkan ‘Pengharapan’ kita ialah terdapat Menara Salib Suci, patung Bonda Maria dari Lourdes, patung Keluarga Kudus, Jalan Salib dan patung Msgr August Wachter.

Selain berziarah ke PZKKNS, para penziarrah juga boleh melawat Rumah



**Pusat Ziarah Keluarga Kudus Nulu Sosopon di Keningau**

Keselamatan kita untuk dibaharu dan diteguhkan kembali dalam Iman, Harapan dan Kasih kita (Yoh 10: 7 - 10).

Ambillah peluang melakukan Ziarah ke tempat-tempat yang diisytiharkan sebagai tempat Ziarah sempena Tahun Jubli, 2025.

Selamat memasuki Tahun Jubli 2025.

+ Bishop Datuk Cornelius Piong  
Disember 9, 2024

## PENULIS BERKICAU

# Lebih daripada sekadar kelahiran!

“Jubli sebenar bukan di luar, ‘ia ada di dalam kamu, di dalam hati, dalam keluarga dan perhubungan sosial. Oleh sebab itu, kamu mesti bekerja untuk menyediakan jalan bagi Tuhan yang akan datang,’ demikian kata Sri Paus Fransiskus yang mendesak semua umat Katolik agar memperbaiki rohani sebelum Tahun Jubli 2025.

Sebelum menyambut pembukaan Tahun Jubli pada Disember 29 ini, kita akan menyambut Hari Raya Besar Kelahiran Tuhan kita, Yesus Kristus.

Mungkin persiapan Natal kita dapat menjadi persiapan rohani menyambut Tahun Jubli?

Apakah kita percaya bahawa Emanuel, Tuhan kita selalu bersama kita, di tengah-tengah dunia yang gelap ini dengan penderitaan orang-orang tak berdosa?

Bagaimana perayaan Natal dapat memperbarui iman kita, seterusnya sebagai persiapan rohani menjelang Tahun Jubli 2025?

Meminjam kata-kata Henri Nouwen yang menulis, “Natal bererti berkata “Ya” untuk sesuatu di luar emosi dan perasaan. Berkata “Ya” untuk harapan dan pengetahuan bahwa keselamatan adalah karya Tuhan, bukan karya kita.

Dalam bukunya, *The Road to Daybreak*, Henri menulis, “Namun ke dalam dunia yang hancur ini, seorang Anak telah lahir, yang disebut Putera Yang Mahatinggi, Raja Damai, Juruselamat. Saya memandang Dia dan berdoa, ‘Terima kasih, Tuhan, Engkau telah datang .. Hati-Mu jauh lebih besar daripada hatiku’.

Perjalanan kita menuju palungan pasti mengingatkan kita akan realiti sekarang misalnya perperangan, penyakit, kemiskinan, dan kehilangan nyawa tak berdosa yang tak masuk akal, sehingga membuat kita tertanya-tanya, “Di manakah Tuhan?”

Dekri Sri Paus Fransiskus *Spes Non Confudit* yang mengumumkan Tahun Jubli Harapan 2025 mengatakan bahawa dalam perjalanan kita menuju tahun Jubli, marilah kita kembali ke Kitab Suci dan menyedari bahawa Kitab Suci berbicara kepada kita dengan kata-kata berikut: “Semoga kita yang berlindung kepada-Nya beroleh dorongan yang kuat untuk menjangkau pengharapan yang terletak di depan kita.

Pengharapan itu adalah sauh yang kuat dan aman bagi jiwa kita, yang telah dilabuhkan sampai ke belakang tabir, di mana Yesus telah masuk sebagai Perintis bagi kita” (Ibr 6:18–20).

Kata-kata tersebut merupakan dorongan yang kuat bagi kita untuk tidak pernah kehilangan harapan yang telah diberikan kepada kita, untuk berpegang teguh pada harapan tersebut dan untuk menemukan perlindungan dan kekuatan kita di dalam Tuhan.

“Harapan pada Tuhan! Pegang teguh, tegar dan berharap pada Tuhan!” (Maz 27:14). Semoga kekuatan pengharapan mengisi hari-hari kita, saat kita menantikan dengan penuh keyakinan kedatangan Tuhan Yesus Kristus, kepada-Nyalah segala puji dan kemuliaan, sekarang dan selamalamnya. Bersama Bonda Maria, semoga perayaan Natal kita menjadi sangat bermakna sekali gus, membuka hati kita untuk merayakan Tahun Jubli 2025!

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD.**

**Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.**

**Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.**

**Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau WhatsApp: 011-26391498**



UNTUK PENZIARAH HARAPAN.

Marilah kita berdoa agar Jubli ini menguatkan iman kita, membantu kita mengenali Kristus yang Bangkit di tengah-tengah kehidupan kita, mengubah kita menjadi penziarah harapan Kristus.

Disember 22, 2024

## Di KSFX Keningau, Komiti Katekis sambut ulang tahun ke-41

KENINGAU: Sejarah penubuhan Komiti Katekis paroki Katedral St Francis Xavier (KSFX) sangat menarik. Apakah lagi sebelum penubuhan Keuskupan Keningau, KSFX merupakan pusat keuskupan pada masa tersebut.

Dengan tertubuhnya Komiti Katekis KSFX, merupakan perintis kepada penubuhan komiti-komitie Katekis di paroki lain di Keuskupan Keningau.

Sekitar tahun 1981 iaitu sebelum tertubuhnya Keuskupan Keningau, pertemuan Katekis telah pun diadakan di Keningau. Demi menambahbaik pelayanan para Katekis, Pengurus Majlis Pastoral KSFX pada masa tersebut, mendiang Dunstan mencadangkan agar Komiti Katekis ditubuhkan.

Selepas melalui beberapa siri perbincangan, akhirnya pada tahun 1983, Komiti Katekis KSFX, secara rasmi ditubuhkan dengan pengurus pertamanya, Katekis Limun. Ahli Jawatankuasa tertinggi pula terdiri daripada para Katekis lulusan PUSKAT (Pusat Latihan Katekis).

Pada November 29, 2024, buat julung kalinya Komiti Katekis paroki KSFX merayakan Ulang Tahun Penubuhannya yang ke-41 tahun dengan Misa Kudus di KSFX yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong

Uskup Cornelius dalam homilinya berkata para Katekis mempunyai peranan penting terutamanya dalam membantu para paderi melayani umat.



"Kita sudah lama mengetahui, Keuskupan Keningau sering mengalami kekurangan paderi dan religius untuk melayani umat. Oleh sebab itu, kehadiran para Katekis adalah sangat membantu," kata Uskup Cornelius.

Bapa Uskup turut menghargai para Katekis yang diutus di kawasan terpencil kerana mereka membantu Uskup dan para paderi memberi pelayanan Ibadat Sabda serta membawa umat agar lebih mengenali, mencintai dan mengikuti Yesus.

Prelatus itu turut berpesan kepada para Katekis bahawa mereka harus sedar dan menyampaikan umat bahawa kerajaan Tuhan sudah hadir di tengah-tengah mereka.

"Bagaimana kita dapat merasakan bahwa kerajaan Tuhan hadir ditengah-tengah kita? Dengan hidup dalam semangat komuniti dan mempunyai sikap ambil peduli untuk saling membantu antara satu sama lain," jelas Uskup Cornelius.

Prelatus itu menutup homilinya dengan mengingatkan bahawa tugas pelayanan para Katekis tidak mudah tetapi salah satu cara untuk bertahan dalam menghadapi pelbagai cabaran ialah merka harus sentiasa berjalan bersama rakan-rakan Katekis lain, para paderi, Uskup dan umat dalam pelayanan mereka.

Sdra John Lainsin, salah seorang tenaga pengajar di Pusat Pastoral Keuskupan

Keningau, juga seorang Katekis berkongsi pengalaman beliau sebagai Katekis selama lebih 30 tahun.

Katanya Sabda Tuhan, doa dan Ekaristi adalah tiga perkara penting yang wajib dalam diri seorang Katekis.

Beliau menjelaskan bahawa pelayanan para Katekis pada masa kini adalah lebih baik dibandingkan 30 tahun lalu, namun kuasa jahat sentiasa licik untuk melemahkan iman dan semangat Katekis.

Oleh sebab itu, beliau menggalakkan para Katekis agar selalu mengikuti program-program pembentukan dan pemantapan iman. **Juanis Markus**

## Perarakan Krismas serlah kesatuan dan toleransi rakyat Sarawak

KUCHING: Perarakan Krismas ditiga bandar utama di Sarawak, menarik ribuan warga kota tanpa mengira bangsa dan agama, untuk menyertai perarakan yang sangat meriah ini.

Di bandar raya Kuching pada Disember 7 lalu, perarakan Krismas yang turut disertai oleh Gereja Katolik, dimulakan dengan sesi pujian dan penyembahan diikuti perarakan, diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada orang ramai.

Tahun ini, perarakan dianjurkan oleh Persatuan Gereja-gereja Sarawak (ACS), Persatuan Kristian *Evangelical* Sarawak (SECA) dan Gereja Methodist (SCAC).

Turut mengambil bahagian ialah Gereja Anglikan, Gereja Methodist SIAC, Gereja BEM, Gereja Adventist Hari Ketujuh, *The Salvation Army*, Gereja Baptist Sarawak, Gereja *Blessed* Sarawak dan pelbagai denominasi Kristian yang lain.

Di tengah-tengah perarakan yang meriah itu, sekumpulan biarawati dari Kongregasi *Sisters of Franciscans of Sarawak* (SSFS), menyanyikan lagu *Feliz Navidad*.

Acara kemuncak pada malam itu adalah pengagihan hadiah kepada orang ramai pada pukul 8.15 malam, isyarat yang melambangkan kasih sayang dan kemurahan hati di tengah-tengah Krismas.

Di Miri, Perarakan Krismas bukan sekadar acara tahunan kerana ia mempromosikan banyak nilai positif dengan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan kaum dan



Perarakan Krismas ditiga bandar utama Sarawak memainkan peranan penting dalam keharmonian dan perpaduan antara kaum di Sarawak. Kredit Gambar: FB Cheng LD.

agama di Sarawak.

Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg turut menghantar pesanan yang dibacakan oleh Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, semasa merasmikan Perarak Krismas Bandara Raya Miri pada

Disember 8.

Dalam teks ucapan itu, Premier Sarawak mengatakan Perarak Krismas bermatlamat merapatkan hubungan dan memainkan peranan mengukuhkan perpaduan di Miri yang berbilang kaum.

"Ini selaras dengan objektif kerajaan dalam

penubuhan Unit Untuk Agama-Agama Lain (UNIFOR) yang merupakan cerminan hasrat kerajaan mewujudkan masyarakat inklusif secara sosial apabila setiap orang mempunyai peluang sama menikmati hasil kebebasan dan kemakmuran mereka."

"Tidak ada UNIFOR di tempat lain hanya di Sarawak. Ia mencerminkan komitmen kita memelihara dan memupuk apa yang telah kita warisi daripada nenek moyang kita yang mengajar untuk mengamalkan nilai hormat-menghormati," jelasnya.

Di Sibu, kira-kira 10,000 peserta menyertai Perarak Krismas Persatuan Gereja-Gereja Sarawak (ACS) yang diadakan pada Disember 14.

Dengan tema tahun ini, 'Yesus Adalah Raja Damai' (Yesaya 9:6), pengajur utama Perarak Krismas bandar Sibu ialah Gereja-gereja ACS Sibu.

Diadakan juga Upacara Penyalaan Salib Kesatuan diikuti dengan Benediktus yang dipimpin oleh Presiden Persidangan Tahunan Iban Sarawak (SIAC) Gereja Methodist Rev Bonnie Sedau.

Selain itu, Sambutan Krismas Antara Agama juga dirayakan pada Disember 15 di Hotel RH, Sibu.

Msgr Michael Lee, pengurus pengajur Sambutan Krismas Antara Agama, mengatakan sambutan antara agama itu merupakan anjuran Gereja ACS Sibu dan Keuskupan Katolik Sibu. **Akhbar Tempatan**